



KENYATAAN BERSAMA • 17 NOVEMBER 2022

Kesihatan Kita Bergantung Pada Undi Anda

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menyeru semua Rakyat Malaysia yang layak untuk mengundi dalam Pilihanraya Umum ke-15 pada 19 November 2022 untuk menunaikan tanggungjawab kita menurut Perlembagaan Malaysia.

Undi anda penting kerana sistem demokrasi dapat memelihara kesihatan anda dengan lebih berkesan. Hakikat ini boleh dilihat melalui Indeks Demokrasi Liberal yang dikeluarkan oleh Universiti Gothenburg di Sweden, di mana kadar indeks yang lebih tinggi menandakan sesebuah negara bersifat lebih demokratik. Pada tahun 2019, negara-negara dengan indeks >0.7 mempunyai jangka hayat purata penduduk melebihi 70 tahun, berbanding negara-negara yang mencatatkan indeks <0.5 yang hanya mempunyai jangka hayat purata penduduk kurang dari 60 tahun.

Ada beberapa kemungkinan yang menjelaskan mengapa penduduk di negara lebih demokratik mempunyai jangka hayat yang lebih panjang. Pertama, pengundi yang bijak akan menuntut wakil rakyat yang lebih berkualiti dan perkhidmatan awam yang lebih menyeluruh. Kedua, sistem demokrasi biasanya melahirkan perkhidmatan awam yang cekap dan bertanggungjawab. Ketiga, negara yang ditadbir secara demokrasi biasanya memberi peruntukan yang lebih besar untuk penjagaan kesihatan.

Antara lain, penjagaan kesihatan merangkumi perkhidmatan yang diterima di hospital dan klinik ketika anda sakit, seperti ubat-ubatan dan pembedahan oleh para doktor dan jururawat. Setelah tiga tahun hidup dengan COVID-19, kita telah menyaksikan bagaimana penjagaan kesihatan secara sendiri adalah tidak mencukupi untuk meningkatkan kesihatan awam. Ini adalah kerana kesihatan kita dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti hak pekerja, perlindungan sosial, pemakanan yang berkhasiat, perumahan yang selamat, pembelajaran awal kanak-kanak serta hak jantina.

Faktor-faktor ini dikenali sebagai “penentu sosial kesihatan” (atau *social determinants of health*). Sistem demokrasi adalah lebih berkesan dalam menangani penentu sosial kesihatan, terutamanya jika kita mempunyai pemimpin yang bijak dan berkebolehan dan disokong oleh sistem perkhidmatan awam yang cekap dan beramanah.

Sistem demokrasi mempunyai manfaat untuk kesihatan kita dari pelbagai sudut. Oleh yang demikian, Gabungan Kesihatan Malaysia sekali lagi menyeru agar semua Rakyat Malaysia yang layak untuk turun mengundi pada 19 November ini. Undi anda menentukan kesihatan kita bersama.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (Senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org)

17 NOVEMBER 2022